



22 Jun 2011
22 June 2011
P.U. (A) 198

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN
TEMBAKAU NEGARA
(PELESENAN KENAF DAN KELUARAN KENAF) 2011

*NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD
(LICENSING OF KENAF AND KENAF PRODUCTS)
REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA 2009

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA
(PELESENAN KENAF DAN KELUARAN KENAF) 2011

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II
LESEN

2. Kategori lesen
3. Permohonan bagi lesen
4. Butir lanjut, dsb.
5. Permohonan secara fraud dan maklumat salah
6. Lesen sementara
7. Prosedur permohonan
8. Pemberitahuan keputusan
9. Pengeluaran lesen
10. Pematuhan kepada syarat, dsb. yang dikenakan ke atas lesen
11. Pindah milik lesen
12. Pembaharuan lesen
13. Kuasa Lembaga
14. Kuasa meminda dan mengubah lesen
15. Tunjuk sebab
16. Penggantungan dan pembatalan lesen
17. Penggantungan sementara

Peraturan

18. Pemulangan lesen
19. Penyerahan semula lesen

BAHAGIAN III KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

20. Penyenggaraan dan pengemukaan dokumen
21. Pemberitahuan perubahan maklumat yang diberikan
22. Pemberitahuan perubahan alamat
23. Penggantian lesen
24. Aktiviti dalam premis yang dinyatakan

BAHAGIAN IV RAYUAN

25. Prosedur rayuan
26. Larangan permohonan yang sama sebelum penentuan rayuan

BAHAGIAN V DAFTAR

27. Kewajipan menyimpan dan menyenggara daftar lesen
28. Pengeluaran nama daripada Daftar
29. Pengembalian nama dalam Daftar

BAHAGIAN VI ADUAN

30. Tatacara aduan
31. Pemberitahuan kepada pemegang lesen

Peraturan

32. Siasatan awal terhadap aduan

BAHAGIAN VII

AM

33. Hak untuk memeriksa

34. Menghalang pegawai yang diberi kuasa

35. Menyamar sebagai pegawai yang diberi kuasa

36. Salinan diakui sah

37. Fi

38. Borang

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA 2009

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA
(PELESENAN KENAF DAN KELUARAN KENAF) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 91(2)(a) Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 [*Akta 692*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (Pelesenan Kenaf dan Keluaran Kenaf) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2011.

BAHAGIAN II
LESEN

Kategori lesen

2. (1) Lembaga boleh mengeluarkan lesen kepada pemohon bagi aktiviti-aktiviti yang berikut:

- (a) membeli kenaf;
- (b) menjual keluaran kenaf;
- (c) memproses kenaf;
- (d) mengilang kenaf atau keluaran kenaf; atau
- (e) mengimport atau mengeksport kenaf atau keluaran kenaf.

Permohonan bagi lesen

3. (1) Suatu permohonan bagi lesen hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan kepada Lembaga secara elektronik atau sebaliknya.

(2) Pemohon boleh menarik balik permohonan pada bila-bila masa sebelum lesen dikeluarkan atau ditolak.

Butir lanjut, dsb.

4. (1) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan dalam borang yang ditetapkan, Lembaga boleh, jika Lembaga menghendaki butir-butir lanjut atau maklumat atau dokumen lain, untuk membolehkan Lembaga mempertimbangkan permohonan secara adil, menghendaki pemohon untuk—

- (a) membekalkan butir, maklumat atau dokumen; atau
- (b) mematuhi apa-apa kehendak lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh enggan merekodkan, meneruskan dengan atau mendengar permohonan itu dan boleh menghendaki permohonan itu dipinda sewajarnya atau dilengkapkan dan dikemukakan semula atau suatu permohonan baru dikemukakan jika—

- (a) borang permohonan tidak dilengkapi dengan sepatutnya oleh sebab apa-apa peninggalan atau salah perihalan;
- (b) borang permohonan mengandungi apa-apa kesilapan atau pengubahan; atau
- (c) permohonan tidak mematuhi mana-mana kehendak yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Jika mana-mana maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak dibekalkan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan, permohonan itu adalah disifatkan sebagai ditarik balik tanpa prasangka untuk permohonan baru dibuat oleh pemohon.

Permohonan secara fraud dan maklumat salah

5. (1) Tiada seseorang boleh membuat permohonan secara fraud atau memberikan maklumat palsu dalam membuat permohonan kepada Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Lesen sementara

6. (1) Lembaga boleh mengeluarkan lesen sementara mengikut borang yang ditetapkan kepada pemohon.

(2) Lembaga boleh membatalkan lesen sementara sekiranya Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau mana-mana syarat, batasan atau sekatan lesen itu tidak dipatuhi;
- (b) pengeluaran lesen telah didorong oleh representasi palsu mengenai fakta oleh atau bagi pihak pemegang lesen; atau
- (c) pemegang lesen telah terhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa aktiviti yang baginya lesen itu dikeluarkan.

(3) Lesen sementara hendaklah sah bagi tempoh enam bulan atau sehingga lesen dikeluarkan oleh Lembaga, mengikut mana-mana yang lebih pendek.

(4) Lembaga boleh melanjutkan tempoh kesahan lesen sementara sebagaimana yang difikirkannya patut.

Prosedur permohonan

7. (1) Sekiranya permohonan dibuat melalui pos, tarikh pada cap pos di atas sampul surat hendaklah disifatkan sebagai tarikh yang baginya permohonan itu dibuat.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), sekiranya Ketua Pengarah tidak boleh menentukan tarikh pada cap pos, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat tiga hari sebelum tarikh yang baginya permohonan itu diterima oleh Lembaga.

(3) Tertakluk kepada subperaturan (4), sekiranya suatu permohonan dibuat secara elektronik, tarikh pada cap masa yang ditera pada permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh yang baginya permohonan itu dibuat.

(4) Jika tiada cap masa ditera pada permohonan itu atau Ketua Pengarah tidak dapat memastikan tarikh pada cap masa, permohonan itu hendaklah disifatkan telah dibuat pada tarikh yang baginya permohonan itu diterima oleh Lembaga.

(5) Lembaga hanya boleh mempertimbangkan borang permohonan yang lengkap.

Pemberitahuan keputusan

8. (1) Setelah mempertimbangkan permohonan itu, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon keputusan Lembaga untuk meluluskan atau menolak permohonan itu secara bertulis.

(2) Tiada seseorang boleh membuat permohonan selanjutnya berikutan penolakan permohonan oleh Lembaga bagi tempoh dua bulan dari tarikh penolakan permohonan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pengeluaran lesen

9. (1) Lembaga hendaklah memberikan pemohon notis kelulusan bagi permohonan berserta suatu surat tawaran bagi pengeluaran lesen.

(2) Pemohon hendaklah menghantar surat setuju terima berserta dengan fi yang ditetapkan kepada Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah mengeluarkan lesen dalam Borang 3 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua selepas menerima surat setuju terima dan fi yang ditetapkan.

(4) Dalam hal suatu perkongsian—

(a) lesen dikeluarkan dengan nama semua pekongsi dinyatakan di dalam lesen; dan

(b) setiap pekongsi hendaklah disifatkan sebagai bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi mana-mana tindakan atau tinggalan pekongsi lain.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), seorang pekongsi tidak bertanggung jika pekongsi itu membuktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa pekongsi

itu bertindak secara suci hati dan tidak menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada tindakan atau tinggalan itu.

Pematuhan kepada syarat, dsb. yang dikenakan ke atas lesen

10. (1) Tiada seseorang boleh melanggar syarat, batasan atau sekatan yang dikenakan ke atas lesen oleh Lembaga.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pindah milik lesen

11. (1) Suatu permohonan bagi memindah milik lesen hendaklah dibuat dalam Borang 4 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua berserta fi yang ditetapkan kepada Lembaga, secara elektronik atau sebaliknya.

(2) Setelah menimbangkan permohonan itu, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon keputusannya secara bertulis.

(3) Setelah menerima kelulusan bertulis daripada Lembaga, pemohon hendaklah memulangkan lesen untuk diendorskan oleh Lembaga.

(4) Pemohon boleh menarik balik permohonan pada bila-bila masa sebelum pindah milik lesen itu diluluskan atau ditolak.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), apa-apa pembayaran fi yang ditetapkan yang telah dibuat tidak boleh dipulangkan.

(6) Lembaga boleh membatalkan kelulusan bertulis jika Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau mana-mana syarat, batasan atau sekatan lesen itu tidak dipatuhi;
- (b) pengeluaran lesen telah didorong oleh representasi palsu mengenai fakta oleh atau bagi pihak pemegang lesen; atau
- (c) pemegang lesen telah terhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa aktiviti yang baginya lesen itu dikeluarkan.

Pembaharuan lesen

12. (1) Suatu permohonan bagi membaharui lesen hendaklah dibuat dalam Borang 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua berserta fi yang ditetapkan kepada Lembaga, secara elektronik atau sebaliknya.

(2) Jika apa-apa permohonan bagi pembaharuan lesen dibuat kurang dari dua bulan sebelum tarikh habis tempoh lesen, Lembaga boleh memperbaharui lesen tertakluk kepada pengenaan penalti tidak melebihi lima ratus peratus daripada fi lesen atau lima ribu ringgit, mana-mana yang lebih tinggi.

(3) Mana-mana permohonan bagi pembaharuan lesen yang diterima oleh Lembaga selepas habis tempoh pembaharuan lesen hendaklah dikira sebagai suatu permohonan baru.

Kuasa Lembaga

13. Lembaga mempunyai kuasa untuk—

- (a) menyemak semula apa-apa lesen pada bila-bila masa;
- (b) meminda atau mengubah apa-apa lesen;
- (c) memanggil pemegang lesen untuk menunjukkan sebab; dan
- (d) menggantung atau membatalkan lesen.

Kuasa meminda dan mengubah lesen

14. (1) Mana-mana pemegang lesen boleh membuat permohonan bagi meminda atau mengubah lesen dalam Borang 5 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Lembaga, secara elektronik atau sebaliknya.

(2) Selepas menimbangkan permohonan itu, Lembaga boleh meminda atau mengubah lesen dengan sewajarnya.

Tunjuk sebab

15. (1) Lembaga boleh memanggil pemegang lesen untuk menunjukkan sebab mengapa suatu lesen tidak sepatutnya digantung, dibatalkan atau ditolak pembaharuannya.

(2) Lembaga hendaklah memberikan butiran mengenai dakwaan pelanggaran atau ketidakpatuhan yang membabitkan penggantungan, pembatalan atau penolakan pembaharuan lesen itu dalam surat tunjuk sebab kepada pemegang lesen.

Penggantungan dan pembatalan lesen

16. (1) Lembaga boleh menggantung, membatalkan atau menolak untuk membaharui lesen jika Lembaga berpendapat bahawa pemegang lesen gagal untuk menunjukkan sebab mengapa suatu lesen tidak sepatutnya digantung, dibatalkan atau ditolak pembaharuannya.

(2) Lembaga hendaklah memaklumkan pemegang lesen keputusannya secara bertulis.

(3) Jika lesen digantung, dibatalkan atau ditolak pembaharuannya, lesen tidak sah—

(a) semasa tempoh penggantungan;

(b) dari tarikh pembatalan; atau

(c) apabila ditolak pembaharuannya.

(4) Seseorang yang lesennya telah dibatalkan atau seseorang yang permohonannya bagi membaharui lesen telah ditolak tidak boleh dilesenkan semula selama tempoh tidak melebihi satu tahun dari tarikh pembatalan atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga pada masa suatu keputusan dibuat.

Penggantungan sementara

17. (1) Lembaga boleh mengikut budi bicara mutlaknya menggantung mana-mana lesen apabila notis bertulis untuk menunjukkan sebab dikeluarkan sehingga prosiding ditentukan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga boleh menarik semula penggantungan lesen pada bila-bila masa.

Pemulangan lesen

18. Seseorang hendaklah memulangkan lesen kepada Lembaga jika lesen itu digantung, dibatalkan atau untuk lesen yang dipinda, untuk diendors.

Penyerahan lesen

19. (1) Seseorang pemegang lesen boleh menyerah lesennya dengan mengemukakannya kepada Lembaga berserta notis bertulis mengenai penyerahan itu.

(2) Penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Lembaga menerima lesen dan notis itu atau pada tarikh terkemudian yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Seseorang pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menarik balik penyerahan lesen itu melainkan jika penyerahan itu dinyatakan untuk berkuat kuasa pada tarikh terkemudian dan sebelum tarikh itu Lembaga melalui notis membenarkan penyerahan itu ditarik balik.

BAHAGIAN III
KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

Penyenggaraan dan pengemukaan dokumen

20. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyimpan, menyenggara atau mengeluarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, rekod yang sewajarnya mengenai pengeluaran, penjualan, pembelian, penyimpanan, stok, pengimportan, pengeksportan, perkhidmatan yang diberikan, buku akaun dan dokumen lain yang berkaitan bagi kenaf atau keluaran kenaf sebagaimana yang dikehendaki dan dengan cara yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyerahkan atau mengemukakan dokumen di bawah subperaturan (1) bagi pemeriksaan atau pinalinan dokumen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai diberi kuasa.

(3) Dokumen di bawah subperaturan (1) hendaklah dipegang oleh pemegang lesen tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh kemasukan terakhir dan hendaklah sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

(4) Seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pemberitahuan perubahan maklumat yang diberikan

21. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah memberitahu Lembaga secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam apa-apa maklumat yang diberikan kepada Lembaga, selain perubahan alamat dalam masa empat belas hari bekerja berlakunya perubahan itu.

(2) Jika apa-apa perubahan berlaku pada perkongsian, mana-mana pekongsi yang masih tinggal hendaklah memberitahu Lembaga secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam masa empat belas hari bekerja berlakunya perubahan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pemberitahuan perubahan alamat

22. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah memberitahu Lembaga secara bertulis mengenai apa-apa perubahan alamat dalam masa tujuh hari bekerja.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penggantian lesen

23. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon secara bertulis kepada Lembaga bagi menggantikan lesen yang telah hilang berserta fi yang ditetapkan.

(2) Suatu permohonan hendaklah disertakan dengan laporan polis oleh pemegang lesen yang menyatakan bahawa lesen yang telah dikeluarkan kepada pemegang lesen itu telah hilang.

(3) Lembaga boleh mengeluarkan lesen pengganti kepada pemegang lesen jika Lembaga berpuas hati bahawa salinan asal telah hilang.

Aktiviti dalam premis yang dinyatakan

24. (1) Tiada seorang pemegang lesen boleh menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen melainkan di dalam premis yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IV RAYUAN

Prosedur rayuan

25. (1) Seseorang yang terkilan dengan keputusan Lembaga boleh merayu kepada Menteri secara bertulis berserta fi yang ditetapkan.

(2) Menteri boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi tujuan mendengar rayuan dan menasihati Menteri mengenai penentuan yang sewajarnya dibuat terhadap rayuan itu.

(3) Tiada anggota Lembaga boleh dilantik dalam jawatankuasa itu.

(4) Anggota jawatankuasa itu boleh dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Menteri tidak terikat untuk menerima nasihat jawatankuasa tetapi boleh setelah mempertimbangkan mana-mana rayuan dan nasihat jawatankuasa membuat penentuan terhadap rayuan itu sebagaimana yang Menteri fikir adil dan sesuai.

(6) Jika Menteri membenarkan suatu rayuan terhadap keputusan membatalkan lesen oleh Lembaga, kesahan lesen hendaklah dilanjutkan kepada suatu tempoh yang bersepadan dengan tempoh pembatalan, dan pelanjutan itu hendaklah direkodkan di dalam lesen.

Larangan permohonan yang sama sebelum penentuan rayuan

26. (1) Jika seseorang pemohon merayu terhadap apa-apa penentuan Lembaga, pemohon tidak boleh selepas itu membuat permohonan yang sama di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga rayuan itu telah ditentukan oleh Menteri.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika mana-mana lesen telah diberikan hasil daripada permohonan yang sama, lesen yang diberikan itu hendaklah disifatkan sebagai terbatal.

BAHAGIAN V

DAFTAR

Kewajipan menyimpan dan menyenggara daftar lesen

27. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar lesen.

(2) Mana-mana orang boleh memeriksa atau membuat salinan Daftar itu semasa waktu pejabat apabila membuat bayaran fi yang ditetapkan.

Pengeluaran nama daripada Daftar

28. (1) Lembaga boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, mengeluarkan nama pemohon daripada Daftar.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga tidak boleh mengeluarkan nama pemohon jika kelakuan pemohon adalah perkara aduan di bawah Bahagian VI sehingga penentuan aduan itu.

Pengembalian nama dalam Daftar

29. (1) Apa-apa permohonan oleh mana-mana orang supaya namanya dikembalikan ke dalam Daftar hendaklah dibuat secara bertulis berserta fi yang ditetapkan.

(2) Lembaga boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, mengembalikan ke dalam Daftar nama mana-mana orang yang telah dikeluarkan daripada Daftar.

BAHAGIAN VI

ADUAN

Tatacara aduan

30. (1) Mana-mana orang boleh mengemukakan aduan bertulis kepada Lembaga jika orang itu mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai bahawa pemegang lesen—

(a) telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta ini;

(b) tidak kompeten atau tidak layak untuk melaksanakan aktiviti berlesen; atau

(c) telah mendapat lesen secara fraud atau salah nyataan.

(2) Suatu aduan hendaklah menyatakan sebab kepercayaan yang menjadi asas aduan.

(3) Setelah menerima aduan Lembaga hendaklah bermesyuarat dengan segera dan memutuskan untuk mengadakan suatu siasatan atau tidak.

Pemberitahuan kepada pemegang lesen

31. (1) Setelah mempertimbangkan aduan di bawah peraturan 30, Lembaga boleh mengadakan suatu siasatan terhadap aduan itu jika Lembaga fikirkan siasatan itu perlu dan patut.

(2) Lembaga hendaklah memberikan pemegang lesen—

- (a)* notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu hari mengenai masa dan tempat siasatan itu;
 - (b)* sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum siasatan itu suatu ringkasan bertulis mengenai apa yang didakwa terhadap pemegang lesen itu; dan
 - (c)* peluang yang munasabah untuk didengar atau untuk membuat representasi bertulis.
- (3) Pemegang lesen itu boleh—
 - (a)* menghadiri siasatan itu;
 - (b)* diwakilkan; dan
 - (c)* memeriksa dan memeriksa balas saksi dan selainnya memberi keterangan.
- (4) Lembaga boleh mengadakan siasatan dalam apa cara sekali pun yang difikirkan Lembaga sesuai dan saksama dan tidak terikat dengan kaedah keterangan.
- (5) Seseorang yang menghadiri siasatan untuk memberikan keterangan atau untuk mengemukakan dokumen atau ekshibit lain adalah layak untuk mendapat bayaran bagi perbelanjaan dan kehilangan masa sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
- (6) Jika pemegang lesen itu didapati bersalah ke atas aduan itu, Lembaga boleh mengenakan ke atas pemegang lesen itu salah satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih yang berikut:

- (a) menggantung pemegang lesen;
- (b) mengeluarkan nama pemegang lesen dari Daftar;
- (c) membatalkan lesen pemegang lesen; atau
- (d) tidak melayakkan pemegang lesen untuk tempoh satu tahun.

(7) Lembaga hendaklah memberitahu pemegang lesen dan pengadu mengenai penentuan itu secara bertulis.

Siasatan awal terhadap aduan

32. (1) Lembaga boleh menubuhkan suatu jawatankuasa untuk tujuan menyiasat aduan dan untuk menasihati Lembaga mengenai penentuan yang sewajarnya dibuat terhadap aduan itu.

(2) Tiada anggota Lembaga boleh dilantik dalam jawatankuasa itu.

(3) Anggota jawatankuasa itu boleh dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(4) Lembaga tidak terikat untuk menerima nasihat jawatankuasa tetapi boleh setelah mempertimbangkan mana-mana rayuan dan nasihat jawatankuasa membuat penentuan terhadap rayuan itu sebagaimana Lembaga fikirkan adil dan sesuai.

BAHAGIAN VII

AM

Hak untuk memeriksa

33. Seseorang pemegang lesen hendaklah membenarkan premis yang dinyatakan dalam lesen untuk dimasuki dan diperiksa oleh pegawai yang diberi kuasa.

Menghalang pegawai yang diberi kuasa

34. (1) Tiada seseorang pun boleh menyerang, menghalang, menghindar atau mengganggu mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang melaksanakan tugasnya di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menyamar sebagai pegawai yang diberi kuasa

35. (1) Tiada seseorang pun boleh menyamar sebagai pegawai yang diberi kuasa.

(2) Mana-mana orang yang menyamar sebagai pegawai yang diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Salinan diakui sah

36. (1) Pemegang lesen atau pemegang perakuan kebenaran boleh memohon secara bertulis kepada Lembaga bagi mendapatkan salinan diakui sah lesen atau perakuan kebenaran berserta fi yang ditetapkan.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan suatu akuan berkanun atau laporan polis oleh pemegang lesen atau pemegang perakuan kebenaran bahawa lesen atau perakuan kebenaran yang dikeluarkan kepada pemegang lesen atau pemegang perakuan kebenaran itu telah hilang, dimusnahkan atau dicatkan, atau berserta suatu pernyataan yang menyatakan sebab bagi permohonan itu.

(3) Lembaga boleh mengeluarkan atau menolak untuk mengeluarkan salinan diakui sah lesen atau perakuan kebenaran kepada pemegang lesen atau pemegang perakuan kebenaran.

Fi

37. (1) Fi untuk mengeluarkan atau membaharui lesen atau perakuan kebenaran hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Fi hendaklah dibayar kepada Lembaga dalam bentuk dan mengikut cara yang diarahkan oleh Lembaga.

(3) Fi yang dipungut oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

Borang

38. (1) Borang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua hendaklah digunakan masing-masingnya bagi maksud yang disebut dalam Borang itu.

(2) Kandungan Borang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, dari masa ke semasa.

JADUAL PERTAMA

FI
(Peraturan 37)

	<i>Peraturan</i>	<i>Perkara</i>	<i>Fi</i> (RM)
1.	Subperaturan 3(1)	Permohonan bagi/pembaharuan lesen atau Perakuan Kebenaran—	
		<i>Jenis Lesen/Perakuan</i>	
		<i>(a)</i> membeli kenaf	150.00
		<i>(b)</i> menjual keluaran kenaf	150.00
		<i>(c)</i> memproses kenaf	150.00
		<i>(d)</i> mengilang kenaf atau keluaran kenaf	300.00
		<i>(e)</i> mengimport dan mengeksport kenaf atau keluaran kenaf	300.00
		<i>(f)</i> Perakuan Kebenaran	50.00
2.	Peraturan 25	Rayuan kepada Menteri	1000.00
3.	Subperaturan 27(2)	<i>(a)</i> Pemeriksaan Daftar	5.00
		<i>(b)</i> Membuat salinan Daftar	25.00
4.	Subperaturan 29(1)	Permohonan pengembalian nama ke dalam Daftar	50.00
5.	Peraturan 36	Salinan diakui sah—	
		<i>(a)</i> lesen	50.00 bagi satu salinan
		<i>(b)</i> Perakuan Kebenaran	50.00 bagi satu salinan

JADUAL KEDUA

BORANG
(Peraturan 38)

	<i>Peraturan</i>	<i>Borang</i>	<i>Tajuk</i>
1.	Subperaturan 3(1) dan 12(1)	Borang 1	Permohonan bagi/pembaharuan lesen atau Perakuan Kebenaran
2.	Subperaturan 6(1)	Borang 2	Lesen sementara
3.	Subperaturan 9(1)	Borang 3	Lesen
4.	Subperaturan 11(1)	Borang 4	Pindah milik lesen
5.	Subperaturan 14(1)	Borang 5	Permohonan bagi meminda atau mengubah lesen

Dibuat 18 Mei 2011
[KPPK (S)19(14)18/7; PN(PU2)679]

TAN SRI BERNARD GILUK DOMPOK
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD ACT 2009

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD (LICENSING OF KENAF AND KENAF
PRODUCTS) REGULATIONS 2011

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II

LICENCE

2. Categories of licence
3. Application for licence
4. Further particulars, *etc.*
5. Fraudulent application and false information
6. Temporary licence
7. Application procedure
8. Notification of decision
9. Issuance of licence
10. Compliance to the conditions, *etc.* imposed on licence
11. Transfer of licence
12. Renewal of licence
13. Powers of the Board
14. Power to amend and vary licence
15. Show cause

Regulation

16. Suspension and cancellation of licence
17. Provisional suspension
18. Licence to be returned
19. Surrender of licence

PART III
DUTY OF LICENSEE

20. Maintenance and submission of documents
21. Notification of change in information furnished
22. Notification of change of address
23. Replacement of licence
24. Activities in specified premises

PART IV
APPEAL

25. Appeal procedure
26. Prohibition of similar application pending determination of appeal

PART V
REGISTER

27. Duty to keep and maintain a register for licence
28. Removal of name from the Register
29. Restoration of name to the Register

PART VI
COMPLAINTS

Regulation

30. Complaint procedure
31. Notification to the licensee
32. Preliminary investigation of complaint

PART VII
GENERAL

33. Right to inspect
34. Obstructing authorized officer
35. Impersonating authorized officer
36. Certified copy
37. Fees
38. Forms

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD ACT 2009

NATIONAL KENAF AND TOBACCO BOARD
(LICENSING OF KENAF AND KENAF PRODUCTS) REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by paragraph 91(2)(a) of the National Kenaf and Tobacco Board Act 2009 [Act 692], the Minister makes the following regulations:

PART I
PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **National Kenaf and Tobacco Board (Licensing of Kenaf and Kenaf Products) Regulations 2011**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2011.

PART II
LICENCE

Categories of licence

2. The Board may issue licence to an applicant for the following activities:

- (a) to purchase kenaf;
- (b) to sell kenaf products;
- (c) to process kenaf;
- (d) to manufacture kenaf or kenaf products; or
- (e) to import and export kenaf or kenaf products.

Application for licence

3. (1) An application for a licence shall be made in the prescribed form to the Board electronically or otherwise.

(2) An applicant may withdraw an application at any time before the licence is issued or refused.

Further particulars, etc.

4. (1) At any time after receiving an application in the prescribed form, the Board may, if it requires further particulars or other information or documents to enable him to fairly consider the application, require the applicant—

(a) to supply the particulars, information or documents; or

(b) to comply with such other requirement as may be determined by the Board.

(2) The Board may refuse to record, proceed with or hear the application and may require that the application be appropriately amended or completed and resubmitted or that a fresh application be submitted if—

(a) the application form is not duly completed by reason of any omission or misdescription;

(b) the application form contains any error or alteration; or

(c) the application does not comply with any requirement as may be determined by the Board.

(3) If any information or document required under subregulation (1) is not provided by the applicant within the time specified, the application shall be deemed to be withdrawn without prejudice to a fresh application being made by the applicant.

Fraudulent application and false information

5. (1) No person shall make fraudulent application or to provide false information in making the application to the Board.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding thirty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Temporary licence

6. (1) The Board may issue temporary licence in the prescribed form to the applicant.

(2) The Board may revoke the temporary licence if the Board is satisfied that—

(a) any provision of this Act or any other written law or any conditions, limitations or restrictions of the licence has not been complied with;

(b) the issuance of the licence was induced by a false representation of fact by or on behalf of the licensee; or

(c) the licensee has ceased to carry on or operate any activity for which the licence is issued.

(3) The temporary licence shall be valid for a period of six months or until a licence is issued by the Board, whichever is shorter.

(4) The Board may extend the validity of the temporary licence, as the Board deems fit.

Application procedure

7. (1) If an application is made by post, the date on the postmark on the envelope shall be deemed to be the date on which the application was made.

(2) Notwithstanding subregulation (1), if the Director General is unable to ascertain the date on the postmark, the application shall be deemed to have been made three days before the date on which such application was received by the Board.

(3) Subject to subregulation (4), if an application is made electronically, the date on the time stamp affixed to the application shall be deemed to be the date on which the application was made.

(4) If there is no time stamp affixed on the application or the Director General is unable to ascertain the date on the time stamp, on which the application shall be deemed to have been made on the date the application was received by the Board.

(5) Only a completed application form shall be considered by the Board.

Notification of decision

8. (1) After considering the application, the Board shall notify the applicant of its decision to approve or refuse the application in writing.

(2) No person shall make further application following a refusal of application by the Board for a period of two months from the date of the refusal of the application.

(3) Any person who contravenes subregulation (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Issuance of licence

9. (1) The Board shall give the applicant a notice of approval for application together with an offer letter for the issuance of licence.

(2) The applicant shall submit an acceptance letter together with the prescribed fee to the Board.

(3) The Board shall issue the licence in Form 3 as specified in the Second Schedule after receiving the acceptance letter and the prescribed fee.

(4) In the case of a partnership—

(a) a licence is issued with the names of all the partners stated in the licence; and

(b) every partner shall be deemed to be liable jointly and severally for any act or omission of any other partner.

(5) Notwithstanding subregulation (4), a partner is not liable if the partner proves to the satisfaction of the Court that he acted *bona fide* and in no way contributed directly or indirectly to that act or omission.

Compliance to the conditions, etc. imposed on licence

10. (1) No person shall breach the conditions, limitations or restrictions imposed on the licence by the Board.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding thirty thousand ringgit or to imprisonment of a term not exceeding one year or to both.

Transfer of licence

11. (1) An application for the transfer of a licence shall be made in Form 4 as specified in the Second Schedule together with the prescribed fee to the Board, electronically or otherwise.

(2) After considering the application, the Board shall notify the applicant of its decision in writing.

(3) After receiving the written approval by the Board, the applicant shall return the licence to be endorsed by the Board.

(4) An applicant may withdraw the application at any time before the transfer is approved or refused.

(5) Notwithstanding subregulation (4), the payment of the prescribed fee shall not be refundable.

(6) The Board may revoke the written approval if the Board is satisfied that—

(a) any provision of this Act or any other written law or any conditions, limitations or restrictions of the licence has not been complied with;

(b) the issuance of the licence was induced by a false representation of fact by or on behalf of the licensee; or

(c) the licensee has ceased to carry on or operate any activity for which the licence is issued.

Renewal of licence

12. (1) An application for the renewal of a licence shall be made in Form 1 as specified in the Second Schedule together with the prescribed fee to the Board, electronically or otherwise.

(2) If any application for renewal of a licence is made less than two months before the expiry of the licence, the Board may renew the licence subject to an imposition of penalty not exceeding five hundred percent of the licence fee or five thousand ringgit, whichever is higher.

(3) Any application for the renewal of licence which is received by the Board after the expiry of the licence shall be treated as a new application.

Powers of the Board

13. The Board shall have the power to—

- (a) review any licence at any time;
- (b) amend or vary any licence;
- (c) call a licensee for a show cause; and
- (d) suspend or cancel licence.

Power to amend and vary licence

14. (1) Any licensee may make an application to amend or vary licence in Form 5 as specified in the Second Schedule to the Board, electronically or otherwise.

(2) After considering the application, the Board may amend or vary the licence accordingly.

Show cause

15. (1) The Board may call upon the licensee to show cause why a licence should not be suspended, cancelled or refused its renewal.

(2) The Board shall provide particulars of the alleged contravention or non-compliance implicating the suspension, cancellation or refusal to renew the licence in the show cause letter to the licensee.

Suspension and cancellation of licence

16. (1) The Board may suspend, cancel or refuse to renew the licence if the Board is of the opinion that the licensee has failed to show cause as to why the licence should not be suspended, cancelled or refused its renewal.

(2) The Board shall inform the licensee of its decision in writing.

(3) If a licence has been suspended, cancelled or refused its renewal, it shall not be valid—

- (a) during the period of suspension;
- (b) from the date of cancellation; or
- (c) upon refusal of its renewal.

(4) A person whose licence has been cancelled or whose application for renewal of licence has been refused shall not be licensed again for such period not exceeding one year from the date of the cancellation or as the Board shall determine at the time of the decision is made.

Provisional suspension

17. (1) The Board may in its absolute discretion suspend any licence once a written notice of show cause is issued until the proceedings are determined.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Board may withdraw the suspension of any licence at any time.

Licence to be returned

18. A person shall return the licence to the Board if the licence is suspended, cancelled or for the amended licence, to be endorsed.

Surrender of licence

19. (1) A licensee may surrender his licence by forwarding it to the Board together with a written notice of the surrender.

(2) The surrender shall take effect on the date the Board receives the licence and the notice or on a later date as specified in the notice.

(3) The licensee is not allowed to withdraw the surrender of licence unless it is specified to take effect on a later date and before that date the Board by notice allows the surrender to be withdrawn.

PART III
DUTY OF LICENSEE

Maintenance and submission of documents

20. (1) A licensee shall keep, maintain or issue, as the case may be, proper records of production, sale, purchase, storage, stock, import, export, services provided, books of account, and other relevant documents for kenaf or kenaf products as required and in the manner as determined by the Board.

(2) A licensee shall submit or produce the documents under subregulation (1) for examination or to make copies of such documents, if required to do so by an authorized officer.

(3) The documents under subregulation (1) shall be retained by a licensee for not less than two years from the date of the last entry and shall be either in the national language or the English language.

(4) A licensee who fails to comply with this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Notification of change in information furnished

21. (1) A licensee shall inform the Board in writing of any change in any information furnished to the Board, other than a change of address, within fourteen working days of such change.

(2) If any change occurs on the partnership, any of the remaining partners shall inform the Board in writing of such change within fourteen working days of such change.

(3) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Notification of change of address

22. (1) A licensee shall notify the Board in writing of any change in his address within seven working days.

(2) Any person who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Replacement of licence

23. (1) A licensee may apply in writing to the Board for a replacement of a lost licence together with the prescribed fee.

(2) An application shall be accompanied with a police report by the licensee to the effect that the licence issued to the licensee is lost.

(3) The Board may issue a replacement licence to the licensee if the Board is satisfied that the original copy has been lost.

Activities in specified premises

24. (1) No licensee shall carry out activities specified in the licence other than in the premises specified in the licence.

(2) Any licensee who contravenes this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding thirty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

PART IV

APPEAL

Appeal procedure

25. (1) A person aggrieved by the decision of the Board may appeal to the Minister in writing accompanied with the prescribed fee.

(2) The Minister may establish any committee for the purpose of hearing an appeal and of advising him as to the determination that should be made on the appeal.

(3) No member of the Board shall be appointed to the committee.

(4) Members of the committee may be paid such allowance as the Minister may determine.

(5) The Minister shall not be bound to accept the advice of the committee but may after considering any appeal and the advice of the committee make such determination on the appeal as he thinks just and proper.

(6) If the Minister allows an appeal against a determination to cancel a licence by the Board, the validity of the licence shall be extended by a period corresponding to the cancellation period and such extension shall be recorded in the licence.

Prohibition of similar application pending determination of appeal

26. (1) If an applicant appeals against any determination of the Board, he shall not subsequently make a similar application under these Regulations until the appeal has been determined by the Minister.

(2) Notwithstanding subregulation (1), if any licence is granted as a result of a similar application the licence so granted shall be deemed to be void.

PART V
REGISTER

Duty to keep and maintain a register for licence

27. (1) The Board shall keep and maintain a register for licence.

(2) Any person may inspect or make a copy of the Register during office hours upon payment of the prescribed fee.

Removal of name from the Register

28. (1) The Board may, if it thinks fit, remove the applicant's name from the Register.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Board shall not remove the applicant's name if the conduct of the applicant is the subject of complaint under Part VI until the determination of the complaint.

Restoration of name to the Register

29. (1) Any application for the name of any person to be restored to the Register shall be made in writing to the Board together with the prescribed fee.

(2) The Board may, if it thinks fit, restore to the Register the name of any person which has been removed from the Register.

PART VI
COMPLAINTS

Complaint procedure

30. (1) Any person may lodge a written complaint to the Board if the person has any reason to believe that the licensee—

- (a) has been convicted of an offence under this Act;
- (b) is incompetent or unfit to perform the licensed activities; or
- (c) has obtained the licence by fraud or misrepresentation.

(2) A complaint must specify the reasons to believe on which the complaint is based.

(3) After receiving a complaint the Board shall meet promptly and decide whether to hold an inquiry.

Notification to the licensee

31. (1) After considering a complaint under regulation 30, the Board may hold an inquiry into the complaint if it thinks an inquiry is desirable and justified.

(2) The Board shall give the licensee—

- (a)* at least twenty one days written notice of time and place of the inquiry;
 - (b)* at least ten days before the inquiry a written summary of what is alleged against the licensee; and
 - (c)* a reasonable opportunity to be heard or make written representations.
- (3) The licensee may—
 - (a)* attend the inquiry;
 - (b)* be represented; and
 - (c)* examine and cross-examine witnesses and otherwise offer evidence.
- (4) The Board may conduct an inquiry in whatever manner that it thinks appropriate and equitable and is not bound by the rules of evidence.
- (5) A person who attends an inquiry to give evidence or to produce a document or other exhibit is entitled to such sum for expenses and loss of time as the Board may determine.
- (6) If the licensee is found guilty of the complaint, the Board may imposed on the licensee any one or any combination of two or more of the following:
 - (a)* suspend the licensee;
 - (b)* remove the licensee's name from the Register;
 - (c)* cancel the licensee's licence; or

(d) disqualify the licensee for a period of one year.

(7) The Board shall notify the licensee and the complainant of the determination in writing.

Preliminary investigation of complaint

32. (1) The Board may establish a committee for the purpose of investigating a complaint and of advising the Board as to the determination that should be made on the complaint.

(2) No member of the Board shall be appointed to the committee.

(3) Members of the committee may be paid such allowance as the Board may determine.

(4) The Board shall not be bound to accept the advice of the committee but may after considering any complaint and the advice of the committee make such determination on the complaint as the Board thinks just and proper.

PART VII
GENERAL

Right to inspect

33. A licensee shall allow the premises specified in the licence to be entered and inspected by any authorized officer.

Obstructing authorized officer

34. (1) No person shall assault, obstruct, impede or interfere with any authorized officer in performing his duties under the Act.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Impersonating authorized officer

35. (1) No person shall impersonate an authorized officer.

(2) Any person who impersonates as an authorized officer commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding thirty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Certified copy

36. (1) A licensee or certificate of authorization holder may apply in writing to the Board for a certified copy of the licence or certificate of authorization together with the prescribed fee.

(2) An application under subregulation (1) shall be accompanied by a statutory declaration or a police report by the licensee or the certificate of authorization holder to the effect that the licence or certificate of authorization issued to the licensee or certificate of authorization holder is lost, destroyed or mutilated or by a statement specifying the reasons for the application.

(3) The Board may issue or refuse to issue certified copy of the licence or certificate of authorization to the licensee or the certificate of authorization holder.

Fees

37. (1) The fees for the issue or renewal of licence or certificate of authorization, shall be as prescribed in the Schedule.

(2) The fees shall be paid to the Board by such means and in such manner as determined by the Board.

(3) The fees collected by the Board under these Regulations shall be paid into the Fund.

Forms

38. (1) The Forms listed in the Second Schedule shall be used for the purposes mentioned in the respective forms.

(2) The contents of the Forms listed in the Second Schedule shall be such as may from time to time, be determined by the Board.

FIRST SCHEDULE

FEES
(Regulation 37)

	<i>Regulation</i>	<i>Matter</i>	<i>Fees (RM)</i>
1.	Subregulation 3(1)	Application for/renewal of licence or Certificate of Authorization—	
		<i>Category of Licence/Certificate</i>	
		(a) purchase kenaf	150.00
		(b) sell kenaf products	150.00
		(c) process kenaf	150.00
		(d) manufacture kenaf or kenaf products	300.00
		(e) import and export kenaf or kenaf products	300.00
		(f) Certificate of Authorization	50.00
2.	Regulation 25	Appeal to the Minister	1000.00
3.	Subregulation 27(2)	(a) Inspection of Register	5.00
		(b) Making a copy of Register	25.00
4.	Subregulation 29(1)	Application of restoration of name in Register	50.00
5.	Regulation 36	Certified copy—	
		(a) licence	50.00 per copy
		(b) Certificate of Authorization	50.00 per copy

SECOND SCHEDULE

FORMS
(Regulation 38)

	<i>Regulation</i>	<i>Form</i>	<i>Title</i>
1.	Subregulations 3(1) and 12(1)	Form 1	Application for/renewal of licence or Certificate of Authorization
2.	Subregulation 6(1)	Form 2	Temporary licence
3.	Subregulation 9(1)	Form 3	Licence
4.	Subregulation 11(1)	Form 4	Transfer of licence
5.	Subregulation 14(1)	Form 5	Application to amend or vary licence

Made 18 May 2011
[KPPK(S)19(14)18/7; PN(PU2)679]

TAN SRI BERNARD GILUK DOMPOK
Minister of Plantation Industries and Commodities